

BAB 4 : PENGELUARAN

- 1 Manakah yang berikut merupakan kesan daripada pelaksanaan cukai dalam mengawal selia eksternaliti negatif?
- A Mengisytiharkan barang penggunaan sebagai barang kawalan
 - B Mengurangkan pengeluaran barang yang membahayakan kesihatan
 - C Menempatkan secara khusus kawasan perindustrian di kawasan tertentu
 - D Menggalakkan pengkhususan pengeluaran barang bagi mengurangkan kos per unit

- 2 Pernyataan manakah yang betul tentang input berubah?

- I Contoh ialah bangunan
- II Tidak wujud jangka output sifar
- III Wujud dalam jangka pendek dan panjang
- IV Tidak berubah secara langsung dengan tingkat keluaran

- A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV

- 3 Jadual di bawah menunjukkan pengeluaran sebuah firma.

Input tetap (unit)	Input berubah (unit)	Jumlah keluaran (unit)
8	2	30
8	3	50
8	5	100
8	6	160

Berapakah keluaran purata bagi 5 unit input berubah?

- A 20 unit B 25 unit C 30 unit D 50 unit

- 4 Maklumat berikut menunjukkan butiran dengan pengeluaran Firma ABC

Ouput : 1000 unit Harga jualan seunit :RM 15 Kos purata :RM10

Berapakah untung firma tersebut?

- A RM 5000 B RM 10000 C RM 15 000 D RM 25 000

- 5 Pilih padanan yang benar mengenai kos tetap dan kos berubah dalam pengeluaran.

	Kos tetap	Kos berubah
A	Perbelanjaan ke atas mesin dan bahan mentah	Perbelanjaan ke atas buruh dan premium insurans bangunan kilang
B	Berubah secara langsung dengan tingkat output	Tidak berubah secara langsung dengan tingkat output
C	Tidak wujud apabila tingkat output adalah sifar	Masih wujud apabila tingkat output adalah sifar
D	Wujud dalam pengeluaran jangka masa pendek sahaja	Wujud dalam pengeluaran jangka pendek dan panjang

- 16 Kilang Maju Ent. Telah mengeluarkan 300 pasang seluar sehari dengan menggunakan 50 orang buruh. Tambahan 4 orang buruh menyebabkan pengeluaran kasut bertambah menjadi 420 pasang sehari. Berapakah keluaran marginal bagi buruh ke 54?

A 6 unit B 8 unit C 30 unit D 120 unit

- 17 Maklumat yang berikut berkaitan dengan pengeluaran sebuah firma.

Teknik	Input pengeluaran (unit)	Jumlah kos (RM)	Output (Unit)
P	5	500	200
Q	7	800	340
R	4	600	160
S	8	900	280

Teknik pengeluaran manakah yang paling cekap?

A P B Q C R D S

- 18 Antara yang berikut manakah mempengaruhi produktiviti sesebuah firma.

- I Tingkat teknologi
- II Tahap kecekapan buruh
- III Latihan dan program pembangunan
- IV Gaya kepimpinan

A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV

Soalan 39 hingga soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 19 I Eksternaliti ialah kos atau faedah yang tidak diambil kira dalam pengeluaran dan penggunaan sesuatu barang atau perkhidmatan.
- II Kos sosial = kos pribadi + kos luaran
- 10 I Produktiviti ialah keupayaan untuk meningkatkan penghasilan keluaran daripada sejumlah input yang diberikan.
- II Peningkatan Produktiviti Menggambarkan peningkatan pertumbuhan ekonomi sesebuah Negara.